

Selangor Kini

Penggerak Kemajuan Saksama



PERCUMA 23 - 30 Ogos 2013, 16 - 23 Syawal 1434

Ops Cantas bukti
Malaysia tidak perlu
Akta Darurat

muka 5

MB: Henti
keganasan, hormati
rakyat Mesir

muka 10

KENALI EXCO ANDA
DR DAROYAH ALWI

muka 6&7



DIRAIKAN... DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah merenjis air mawar pada pengantin, Mohd Ali Iqbal Abdul Khalid dan pasangannya, Nurfaizlin Mohamad pada majlis persandingan di Pusat Konvensyen Setia Alam pada 17 Ogos lalu. Mohd Ali adalah anak kepada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim

OLEH AHMAD NAHAR
SULAIMAN

KUALA LANGAT - Sebanyak 414 unit kamera litar tertutup (CCTV) mula dipasang di semua 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh Selangor, bagi membanteras jenayah dan melakukan pemantauan lain.

Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azahar Mohamed Ali, berkata kerajaan negeri memperuntuk RM6 juta setahun bagi penyediaan CCTV itu selepas mengikat kontrak 20 tahun dengan syarikat swasta yang dilantik.

Beliau berkata, sistem pemantauan 24 jam itu ditumpu di lokasi yang dikenal pasti polis sebagai berisiko tinggi terhadap gejala jenayah, selain

CCTV cegah jenayah mula dipasang

Sistem pemantauan 24 jam itu ditumpu di lokasi yang dikenal pasti polis sebagai berisiko tinggi terhadap gejala jenayah, selain turut membantu PBT dalam aspek lain

MOHD AZAHAR
Dipertua MDKL



turut membantu PBT dalam aspek lain.

"Dengan adanya CCTV ini, masyarakat yang berkeinginan untuk melakukan jenayah dan sebagainya akan ada perasaan takut," katanya kepada Selangor Kini.

Penyerahan rasmi hasil projek yang bermula 26 Mei 2011 berlangsung baru-baru ini dengan MDKL sebagai PBT perintis dan pertama memasangnya.

Kos keseluruhan projek

pemasangan di 11 PBT ialah RM117,244,8000.

Kamera berkenaan juga dihubungkan kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Langat melalui sistem pengendalian digital.

Selain aspek keselamatan, Mohd Azahar berkata, projek Unit Perancang Ekonomi Selangor (Upen) itu turut digunakan bagi meningkatkan kualiti kendalian kawalan lalu lintas dan pemantauan kemudahan awam daripada vandalisme.

181 terima pingat daripada DYMM Sultan Selangor



Bintara Kanan Anizam Hamzah, PWII Mohd Khir Sahli, PWI Ramlan Hasan, Koperal Mohd Khair Latif dan Sub Insp Ab. Latiff Awang dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengurniakan pingat negeri Selangor kepada 181 penerima di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Ketua Penolong Bendahari

Negeri daripada Perbendaharaan Negeri, Nik Azrimah Abdul Ghafar mengetuai senarai penerima pingat sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-67 DYMM Sultan kepada penerima-penerima dari Daerah Petaling dan Klang.

Beliau merupakan penerima tunggal bagi pingat Bin-

tang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C).

Tuanku turut perkenan menganugerahkan Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S) kepada 12 kakitangan Kerajaan Negeri yang berkhidmat selama 20 tahun.

Turut dihargai adalah 28 pegawai kumpulan sokongan yang dianugerahkan Pingat Pingat

Perkhidmatan Cemerlang Selangor (P.P.C) dan berkhidmat selama tujuh tahun dengan Kerajaan Negeri.

Selain itu, Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) dianugerahkan kepada 137 orang yang telah berjasa kepada negeri Selangor, taat dalam menjalankan tugas dan tekun dalam peker-

Antara Penerima Pingat

Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C)

Nik Azrimah Abdul Ghafar

Pingat Perkhidmatan Selangor (P.P.S)

Yang Mulia Raja Halim Raja Tahir

Chong Boon Chu

K.Palan

Mohd Jamal

Mohd Kassim

S.Neelas

Azizah Abdul Mutalib

Saripudin Harmin

K.Raman

Kamsiah Mohamed

Kum Kwee Seng

Saimin Ahmad Sadali

Abu Hashim Mohd Nor

jaan yang diamanahkan.

Tuanku turut berkenan mengurniakan anugerah Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T) kepada 25 orang penerima.



Barisan penerima pingat di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Penerima terharu

PEMANDU Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), S.Gengatharan, 37, berkata beliau sama sekali tidak menyangka akan menerima Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) daripada DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

"Saya sangat bangga menerima pingat ini, walaupun hanya bekerja sebagai pemandu. Penghargaan ini beri semangat kepada saya untuk melaksanakan tugas dengan lebih baik," katanya.

Beliau telah berkhidmat selama 20 tahun dengan MPSJ.



SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan menganjurkan forum awam bagi mendapatkan pandangan rakyat untuk melaksanakan Manifesto Pakatan yang dilancarkan pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) lalu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata forum tersebut akan diadakan di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) dan menjangkakan ia akan berlangsung pertengahan September depan.

"Forum ini melibatkan wakil rakyat yang akan mengambil bahagian dalam perbincangan bersama orang awam. Orang awam

Pandangan awam untuk Manifesto Pakatan

akan diberi peluang menyuarakan pandangan bagi pelaksanaan manifesto ini," beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di bangunan SUK di sini hari ini.

Urusetia forum ini akan diketuai oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dengan ker-

jasama Pejabat Menteri Besar.

Abdul Khalid menambah, segala maklum balas rakyat dalam forum itu akan dikumpulkan oleh setiap jawatankuasa tetap untuk digunakan dalam penyediaan Belanjawan 2014.

"Kerajaan Selangor yakin dan percaya bahawa pandangan

rakyat amat penting dalam memastikan semua polisi dan perancangan yang digariskan dalam manifesto itu menepati golongan sasaran," ujarnya.

Jelasnya, forum tersebut juga akan dijadikan platform bagi Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti kehendak rakyat untuk meng-

gunakan hasil negeri bagi merapatkan jurang pendapatan dan mengurangkan kadar kemiskinan menerusi agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

"Pakatan memandang serius tanggungjawab untuk menguruskan aset negeri dengan baik demi kepentingan rakyat," jelasnya.

LPHS, PBT diarah atasi masalah CF

SHAH ALAM - Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan diarah mencari kaedah baru menyelesaikan masalah ketiadaan Sijil Layak Menduduki (CF) yang dihadapi kawasan perumahan tertentu, terutamanya bagi projek yang telah diabaikan pemaju mufliis.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Samad (*gambar*) ketika dihubungi berkata, Kerajaan Negeri sedang meneliti masalah ini supaya keselamatan penduduk yang menduduki perumahan bermasalah terjaga.



"Dalam banyak kes, kita hadapi masalah dengan pemaju. Kalau pemaju masih ada, maka kita akan desak pemaju untuk baiki keadaan, tetapi kebanyakan pemaju dikesan sudah bankrap atau gulung tikar. Kalau begitu satu alternatif lain perlu diusahakan," katanya.

Iskandar berkata demikian sebagai reaksi kepada luahan penduduk Flat Pinggiran Batu Caves yang mengkhawatirkan keselamatan mereka kerana pangsapuri yang didiami tidak memiliki CF sejak 20 tahun lalu.

Penduduk yang ditemui berkata mereka tidak mempunyai pilihan lain kerana rata-ratanya berpendapatan rendah.

Menurut Iskandar lagi, sejak lima tahun lalu Kerajaan Negeri telah mengesan pelbagai kes berkaitan CF yang berpunca dari pemaju perumahan tidak mematuhi syarat pelan bangunan.

"Sejak dari penggal lalu, Kerajaan Negeri sudah memu-

lakan usaha bagi menyelesaikan masalah ini dan ia akan diteruskan dalam penggal baru. Pada Jun lalu, LPHS diarahkan membuat perancangan bagi tujuan itu melalui kerjasama PBT di seluruh Selangor dengan meletakkan sasaran tahunan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Kerajaan Negeri juga merangka strategi bertujuan memberdayakan penduduk dengan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Majlis Pengurusan (MC) sebagai pelaksana projek baikpulih pangsapuri.

"Menyentuh masalah penyelenggaraan dan sampah, kita boleh selesaikan melalui jawatankuasa Prihatin. Masalah tidak akan selesai sekiranya Kerajaan Negeri sentiasa masuk campur. Penduduk kena ada rasa tanggungjawab," katanya.

PKR lancar 'Check Your TNB Meter'

PETALING JAYA - Ketepatan jangka elektrik digital yang baru diperkenalkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) diragui berikutan caj bulanan terhadap pengguna tinggi, kata Datuk Chua Jui Meng.

Pada sidang media di ibu pejabat PKR, Naib Presiden parti itu berkata, ia berikutan aduan orang ramai terhadap jangka elektrik baru berbanding sebelumnya.

Justeru katanya, PKR melancarkan laman web 'Check Your TNB Meter' bagi memberi tekanan kepada TNB dan Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk mewujudkan badan bebas memeriksa jangka elektrik digital itu.

Beliau mempelawa orang ramai melayari laman web www.checkyourtnbmeter.com dan menandatangani petisyen secara atas talian bagi menyuarakan bantahan.

"Sasaran kami ialah mencapai 10,000 tandatangan dan menyerahkan petisyen kepada TNB dan ST bagi mewujudkan sebuah badan bebas itu.

"Kami mahu kebenaran didedahkan, adakah jangka digital



Barisan Pimpinan PKR melancarkan laman web 'Check Your TNB Meter' di Ibu Pejabat PKR

baru rosak atau tepat? Jika rosak, pengguna boleh menuntut bayaran balik daripada TNB.

"Jika tepat, pengguna boleh belajar untuk menguruskan penggunaan tenaga mereka dengan lebih cekap," katanya yang juga Ahli Jawatankuasa Khas bagi menangani isu itu.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kelana Jaya, Wong Chen berkata, lebih 1,000 aduan diterima penduduk Kelana Jaya berkaitan masalah itu.

"Secara purata, peningkatan

caj bulanan ialah 15 peratus. Ada yang sebelum ini tidak dicaj tetapi bila tukar jangka baru, meningkat kepada RM90," katanya.

TNB menukar jangka elektromekanikal kepada jangka digital sejak 2011 bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard Tenaga yang menetapkan supaya jangka elektromekanikal ditukar setiap 15 tahun dan jangka digital setiap 10 tahun.

Sehingga kini, TNB gagal mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi aduan berkenaan.



WARISAN...

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, meninjau pameran sejarah permulaan kedatangan kaum Teochew ke Selangor sewaktu Majlis Pembukaan Ulang Tahun ke-79 Persekutuan Persatuan Teochew Malaysia di Sunway Resort Hotel dan Spa. Kira-kira 1,200 perwakilan persatuan Teochew seluruh negara hadir dalam majlis tersebut



Langkah proaktif PBT perangi jenayah

SHAH ALAM - Adun Kampung Tunku, Lau Weng San (*gambar*), berkata inisiatif polis bantuan oleh Kerajaan Negeri merupakan langkah proaktif membantu PDRM menangani kadar jenayah di Selangor.

Beliau menjelaskan polis bantuan dilihat perlu kerana ia

mempunyai kuasa tertentu dan peralatan tertentu, lantas menjadikannya lebih berkesan dari pegawai keselamatan.

“Sebelum ini ramai yang mengupah pengawal keselamatan ini tidak dapat melakukan tugas dengan baik untuk menangani penjenayah yang

mempunyai senjata yang lebih berat,” kata beliau.

Beliau berharap inisiatif ini dapat membantu meringankan beban PDRM.

“Polis perlu dilihat menjalankan tugasnya agar lebih ramai berada di jalanan agar penjenayah merasa lebih gerun,” tambahnya.

Lau berkata anggota-anggota Polis Bantuan akan diberikan pengenalan khas dari PDRM bagi mengelakkan salahguna kuasa.

“Sekiranya berlakunya salahguna kuasa tindakan tegas akan diambil kepada mereka yang melanggar undang-undang,” kata beliau.

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri masih menunggu lesen daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membenarkan penubuhan pasukan Polis Bantuan di Petaling Jaya.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata Kerajaan Negeri ketika ini mengharapkan permohonan itu diluluskan dengan secepat mungkin.

“Kita masih minta supaya Kerajaan Pusat, terutamanya pihak polis untuk memberikan kita lesen tubuhkan pasukan itu bagi membantu memantau keselamatan dan ketenteraman awam.

“Walaupun terdapat kos pengendalian, kita sanggup berikan dana untuk perkara itu kerana ia penting. Kita harap ia diselesaikan secepat mungkin,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Jalinan Kasih Aidilfitri Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Pusat Konvensyen Shah Alam.

Sebelum ini, Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin mendakwa, polis memberi kelulusan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk menubuhkan pasukan Polis Bantuan bagi mempertingkatkan keselamatan di premis-premis milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Mahkamah.

Yeoh berkata pasukan Polis Bantuan dengan kekuatan 50 anggota itu boleh membantu PDRM menumpukan rondaan keselamatan di kawasan-kawasan lain.

Mengulas lanjut, Abdul Khalid berkata ia merupakan projek perintis yang akan ditambah mengikut keperluan dari masa ke semasa dan perlu berkembang ke kawasan PBT lain.

Katanya, beliau menyambut baik perkara itu, namun bilangan anggota polis bantuan itu perlu mengikut nisbah antara populasi penduduk mengikut keperluan.

“Kadar nisbah seorang anggota polis 1:1000 ia terlalu ramai, jadi kita rasa ia mesti dikurangkan kepada nisbah 1:300, itu yang perlu dibuat,” katanya.

MB: Segerakan lesen polis bantuan



Polis bantuan diperlukan di Selangor bagi memastikan rakyat dapat hidup dengan selesa dan selamat

MBPJ peroleh kelulusan PDRM



SHAH ALAM - PDRM memberi kelulusan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk menubuhkan pasukan Polis Bantuan bagi mempertingkatkan keselamatan di premis-premis milik PBT dan Mahkamah.

Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin (*gambar*), berkata, pasukan polis bantuan dengan kekuatan 50 anggota ini boleh membantu PDRM menumpukan rondaan keselamatan di

kawasan-kawasan lain.

“Permohonan untuk mendaapatkan seramai 50 polis bantuan ini merupakan projek perintis yang akan ditambah mengikut keperluan dari masa ke semasa,” kata beliau.

Sementara itu, pihaknya juga sedang berbincang dengan PDRM untuk membenarkan polis bantuan membuat rondaan keselamatan di kawasan-kawasan lain.

“Kita akan berbincang dengan pihak Polis kerana Polis Bantuan mempunyai kuasa yang terhad. Polis bantuan ini hanya boleh membuat kawalan di bangunan milik MBPJ dan mahkamah sahaja,” kata beliau.

Beliau berkata, usaha kini digerakkan agar pihak berkuasa tempatan lain di kawasan Lembah Klang juga diberi kelulusan yang sama.

Ops Cantas bukti Malaysia tidak perlu Akta Darurat

Oleh NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Hasil operasi perintis Ops Cantas Khas yang dilancarkan PDRM baru-baru ini membuktikan polis mempunyai kepakaran dan kemampuan untuk memerangi jenayah secara agresif tanpa perlu Akta Darurat (EO).

Ketua Angkatan Muda Parti Keadilan Rakyat (AMK) Selangor, Azmizam Zaman Huri berkata rakyat sebenarnya sedar potensi sebenar PDRM jika badan itu ada kemahuan.

"Undang-undang dan akta sedia ada sudah cukup untuk tangani masalah jenayah. Apa yang perlu hanya ketegasan dan sentiasa menjalankan kerja mencegah jenayah," tegas Azmizam.

Pihak berkuasa juga dinasihatkan agar tidak menjalankan operasi perang jenayah secara bermusim.

Pandangan AMK Selangor selaras dengan pendirian Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi yang berkata, tahanan tanpa bicara seperti EO adalah jalan pintas bagi polis yang mahu mengelakkan kerumitan pembuktian yang dituntut Akta Pencegahan Jenayah (PCA).

PCA menuntut polis mengemukakan tertuduh ke hadapan majistret untuk didakwa dalam masa 24 jam. Manakala Akta Darurat membolehkan polis menahan seseorang sehingga 60 hari tanpa perbicaraan.

Kesemua yang ditahan di

bawah Ops Cantas Khas disiasat di bawah PCA.

"Bayangkan baru 4 hari Ops Cantas dilaksanakan, Polis Kontinjen Selangor berjaya berkas 211 penjenayah. Saya kira kalau ia dilakukan berpanjangan bukan sahaja mampu mengengkang malah mampu mengatasi kegiatan jenayah ini daripada terus menjadi-jadi," tambahnya.

Kementerian Dalam Negeri sebelum ini mengundang kritikan dari pelbagai pihak ekoran kejadian jenayah berat dan pembunuhan yang berleluasa. Kerajaan Persekutuan beralasan EO yang dimansuhkan perlu diganti bagi mengengkang penjenayah bermaharajalela.

"Tidak perlu mengembalikan Akta Darurat. Dikhawatiri ia akan disalah guna dengan menahan aktivis politik yang tidak sebulu dengan kerajaan seperti Akta Keselamatan Dalam

Negeri," tegas Azmizam.

Sebelum EO dimansuhkan, Datuk Seri Abdul Khalid Abu Bakar ketika menjadi Timbalan KPN berkata individu-individu yang terlibat dalam kegiatan subversif terhadap pemerintah boleh ditahan di bawah akta itu.

Kenyataan itu menyusuli penangkapan enam individu termasuk Ahli Parlimen Sungai Siput, Dr S Jeyakumar Devaraj kerana menyokong himpunan aman Gabungan Pilihanraya Bersih & Adil (Bersih) 2.0 pada 3 Julai 2011.

20,000 tandatangani petisyen polis bantuan di Lembah Klang

SHAH ALAM - Sebanyak 20,000 tandatangan berjaya diperolehi untuk petisyen kepada Ketua Polis Negara (KPN) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) agar meluluskan permohonan daripada PBT-PBT di Lembah Klang untuk menubuhkan Polis Bantuan.

Dua minggu selepas kempen

itu dilancarkan, desakan orang ramai mendorong PDRM memberi kelulusan kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk menubuhkan pasukan polis bantuan dengan kekuatan me-rekrut 50 anggota.

Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin berkata usaha akan terus dipertingkatkan bagi mencapai



Ng Suee Lim, menghulurkan borang 100,000 kepada Datuk Shamsudin Lias selepas Sidang DUN bagi mendesak Kerajaan Pusat meluluskan pembentukan polis bantuan di Selangor

Petaling Jaya perlu tambahan 1,000 polis

SHAH ALAM - Nisbah optimum anggota polis kepada penduduk yang disaran oleh polis antarabangsa (Interpol) ialah 1:250 dengan seorang anggota polis dipertanggungjawabkan untuk menjaga 250 penduduk.

Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin, berkata di Petaling Jaya, nisbah anggota polis bersamaan 1:470 dengan seorang anggota polis menjaga 470 penduduk.

Jumlah itu tidak memenuhi piawai yang ditetapkan di peringkat antarabangsa bagi kawalan keselamatan di sesuatu kawasan.

"Justeru mengikut perkiraan matematik maka kawasan Petaling Jaya memerlukan tambahan 1,000 anggota polis bagi mencapai sasaran nisbah polis yang ditetapkan Interpol.

Beliau menganggarkan jumlah itu memerlukan tambahan kos pembiayaan sebanyak RM35

juta setahun.

"Di negara ini kita mempunyai cukup anggota polis namun pengagihan pasukan keselamatan itu perlu diperbaiki dengan meletakkan di kawasan yang diperlukan," kata beliau.

Katanya, Klang dan Cheras antara kawasan-kawasan yang amat memerlukan tambahan anggota polis kerana mempunyai jumlah kepadatan penduduk yang tinggi.

sasaran sebanyak 100,000 tandatangan dalam masa terdekat.

"Kita akan meneruskan kempen ini dari masa ke semasa untuk meningkatkan kesedaran awam berkenaan keperluan polis bantuan bagi pencegahan jenayah," kata beliau ketika dihubungi.

Kempen itu yang dilancarkan pada 4 Julai lepas di Dewan

Negeri Selangor (DNS) bertujuan mendesak Kerajaan Persekutuan membenarkan Kerajaan Selangor membentuk pasukan polis bantuan.

Orang ramai boleh menyertai kempen dengan mendapatkan borang di pejabat Adun Pakatan Rakyat atau dari laman web : www.safercity.com.my.

Pertanyaan Tentang Petisyen ?

Telefon : 016 - 878 2472

Emel: morepolice.safercity@gmail.com

Alamat Surat Menyurat :
Petisyen Polis Bantuan 55M,
Jalan SS21/1A, Damansara
Utama, 47400 Petaling Jaya,
Selangor

DR DAROYAH ALWI

Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, ADUN Sementa

PROFIL

Umur - 51 Tahun

Tarikh Lahir: 21/8/1962

Asal - Kampung Bukit Kapar, Meru, Klang

Suami - Abdul Halim Md Aris

Anak - Anas Ramadhan (25 Tahun)

- Maryam Sakeenah (23 Tahun)

- Aishah Hanani (21 Tahun)

- Nabila Husna (17 Tahun)

PENDIDIKAN

- Sekolah Kebangsaan Sungai Binjai, Meru
- Sekolah Menengah Perempuan Bukit Bintang, Kuala Lumpur
- Pengambilan pertama Asrama Toh Puan Norashikin, Yayasan Selangor
- Asasi Sains Universiti Malaya (UM)
- Ijazah Fakulti Pergigian Universiti Malaya (UM)

KERJAYA

- Doktor gigi, Kementerian Kesihatan Malaysia di Muar dan Kuala Pilah
- Klinik Pergigian Daroyah, Seksyen 18 Shah Alam

POLITIK

- Ketua Wanita PKR TTDI Jaya (tahun 1999)
- Ketua Wanita PKR Bahagian Subang (tahun 2001 - 2005)
- Pemangku Ketua Wanita Bahagian Subang (tahun 2002)
- Ketua Wanita PKR Shah Alam (tahun 2007 - sehingga kini)
- Timbalan ketua Wanita PKR Selangor (tahun 2007 - sehingga kini)
- Bendahari Wanita PKR Pusat (tahun 2010 - sehingga kini)
- Ahli Majlis Pimpinan Wanita Pusat (MPWP) PKR



Kita akan aktifkan semula pusat pengumpulan ini. Kita akan jadikan kemudahan ini sebagai 'One Stop Center' untuk usahawan desa memasarkan barangan

Bantu produk desa, pusat pengumpulan IKS dihidupkan semula

Oleh AFIX REDZUAN

KERAJAAN Negeri merancang untuk mengaktifkan semula pusat pengumpulan industri kecil dan sederhana (IKS) di seluruh Selangor bagi membantu usahawan desa memasarkan produk masing-masing.

Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi,

berkata ini merupakan satu lagi strategi bersepadu Kerajaan Negeri merangsang pembangunan desa, serta membantu usahawan menerobos pasaran yang lebih luas.

"Kita akan aktifkan semula pusat pengumpulan ini. Kita akan jadikan kemudahan ini sebagai 'One Stop Center' untuk usahawan desa memasarkan barangan," kata Daroyah.

Menurut beliau, pusat pengumpulan IKS di Selangor terletak di Gombak, Kuala Langat dan Sepang.

Jelas Daroyah, lokasi kemudahan di laluan strategik seperti di Sepang yang berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur juga dirasakan boleh membantu para usahawan.

"Ia juga berpotensi menjadi tumpuan pelancongan dan pelancong boleh membeli produk-produk rakyat Selangor," kata beliau.

Serentak dengan rancangan itu, Daroyah berkata, Kerajaan Negeri sedang menyenaraikan semua usahawan di Selangor



bagi mengikuti perkembangan mereka dengan lebih rapat.

Antara yang menjadi perhatian adalah piawaian kandungan bahan makanan dan peningkatan kualiti produk.

"Untuk pemberdayaan usahawan kita memberikan khidmat nasihat, sijil halal, dan mencantikkan lagi pembungkusan. Kita akan mengadakan satu program dengan kerjasama Sirim Malaysia selain menganalisa kandungan nutrisi produk makanan," jelas Daroyah.

"Produk bersesuaian kita akan cuba pasarkan ke pasaraya memandangkan ia dilengkapi dengan kod bar," tambah beliau.

KERAJAAN Negeri akan bekerjasama dengan Universiti Selangor (Unisel) untuk membangunkan teknologi peralatan yang mampu menguji kesahihan produk halal terutama dari segi kandungan pembuatan.

Menurut Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi Dr Daroyah Alwi, kerjasama ini dilakukan bagi menjadikan Selangor sebagai 'Hub Halal' memandangkan permintaan

Di bawah projek ini, Unisel telah menghantar kertas kerja untuk membuat satu alat menguji adakah ia halal. Hasil semakan produk akan dibawa masuk dalam makmal untuk mendapatkan keputusan dari segi bahan kandungan, teknik penyembelihan yang digunakan betul atau tidak dan sebagainya

Kerajaan Negeri, Unisel ganding bahu teroka teknologi produk halal

tinggi untuk barangan berstatus halal.

"Di bawah projek ini, Unisel telah menghantar kertas kerja untuk membuat satu alat menguji adakah ia halal. Hasil semakan produk akan dibawa masuk dalam makmal untuk mendapatkan keputusan dari segi bahan kandungan, teknik penyembelihan yang digunakan betul atau tidak dan sebagainya," katanya.

Selain itu, beliau sedang merangka satu seminar penerangan industri yang menampilkan kepentingan menggunakan produk berstatus halal.

Sementara itu juga, Daroyah menjelaskan, kerajaan Selangor telah memasang 112 'hot spot' Wi-Fi percuma di seluruh 56 DUN di Selangor.

Menurutnya, setiap DUN mempunyai dua 'hot spot' dan pihaknya sedang dalam perancangan untuk menambah lokasi berkenaan di bawah Geran Selangorku.



Daroyah melawat makmal kilang Polens, anak syarikat Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor

Van gigi datang lagi!

KERAJAAN Negeri akan berusaha mendapatkan semula van kesihatan pergigian bagi membolehkan rawatan pergigian disampaikan kepada rakyat di setiap daerah.

Berbekalkan pengalaman lebih 25 tahun sebagai doktor gigi, usaha ini merupakan antara agenda Exco Kesihatan, Dr Daroyah Alwi yang mahu rakyat Selangor mengamalkan gaya hidup sihat.

"Sebagai doktor gigi, saya

mahu rakyat Selangor sentiasa senyum dengan gigi yang cantik," katanya.

Beliau sedang merangka pelbagai program kesihatan selain mengekalkan beberapa program sebelum ini khusus untuk

Sebagai doktor gigi, saya mahu rakyat Selangor sentiasa senyum dengan gigi yang cantik

rakyat Selangor.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri memberikan bantuan perubatan untuk penyakit dialisis dan pembedahan kecil. Untuk kali ini program kesihatan akan diperluas dan melibatkan semua peringkat usia.

Menurut beliau, kempen kesihatan ini bakal dilaksanakan dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah.

Menyentuh mengenai permasalahan wabak denggi, Daroyah menjelaskan, pihak berwajib akan melakukan semburan nyamuk di kawasan yang dilaporkan berlaku kejadian wabak denggi.

"Sehingga sekarang apabila ada kes denggi, PBT akan membuat semburan. Kita tidak boleh menyembur sesuka hati. Kena ada kena ada kes baru kita sembur.

"Kita tidak mahu acap kali membuat semburan dikhuatiri nyamuk akan kebal dan kemudian kita terpaksa mencari penyelesaian lain untuk membunuh nyamuk ini pula," ujarnya lagi.



Daroyah bersama barisan Exco wanita yang menerajui Selangor



Rawatan gigi untuk kanak-kanak di Selangor akan kembali diusahakan

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizh Mokhtar PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afiz Redzuan: afizredzwan@gmail.com, Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB, Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,

No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com



▲ CERIA... Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Mariah Mahmud bersama Muslimat Telok Menegun semasa menghadiri majlis perkahwinan di Taman Sri Menegun



▲ Makan sambil melakukan kerja amal. Kelihatan orang ramai gembira menikmati raja buah sewaktu program 'Jom Durian VI' di The Summit Subang USJ



▲ Kanak-kanak gembira setelah menerima duit raya di Program Rumah Terbuka DUN Sementa



▲ Rafizi Ramli bersama 'orang kuat' Majlis Jamuan Hari Raya Parlimen Pandan



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha bersama Pasukan Bomba & Penyelamat Jalan Penchala dan komuniti bomba dalam Kempen Kesedaran Keselamatan Dari Kebakaran di Pasaraya Matahari, Taman Datuk Haron



▲ Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi mengagihkan dodol kepada orang ramai sewaktu Program Rumah Terbuka DUN Sementa yang diadakan di Dewan Haji Siraj



▲ Seramai 250 peserta 'Jom Shopping Raya' fasa kedua DUN Hulu Kelang membeli-belah di Pasaraya Giant Taman Permata. Kelihatan Adun Hulu Kelang, Saari Sungib, turun padang menemani para peserta

▲ Kelihatan Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Mariah Mahmud dan Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafie menyerahkan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir di Program Rumah Terbuka di Padang Awam Bandar Sri Puteri



Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bersama peserta solat munajat di Padang Merbok, berdoa mohon keselamatan dan keamanan di Mesir

Mesir: hentikan keganasan, hormati kehendak rakyat

Keganasan berterusan yang mengorbankan ribuan nyawa rakyat Mesir perlu menjadi satu perkara yang membimbangkan kepada kita semua.

Keganasan dan tindakan keras oleh tentera bukan penyelesaian kepada mana-mana krisis politik. Dalam jangka masa panjang, tindakan sebegini untuk mencapai matlamat politik sentiasa berakhir dengan kegagalan dan penderitaan bagi rakyat biasa.

Seperti keadaan sekarang yang terus berlaku di luar kawalan, kami menyeru semua pihak dalam konflik Mesir untuk menghentikan keganasan sekatan amalan dan kembali

kepada proses demokrasi yang aman.

Peningkatan penggunaan keganasan oleh mana-mana pihak bukan sahaja meningkatkan pertumpahan darah tetapi juga merumitkan lagi krisis politik dan sosial yang akan menjadi semakin sukar dikawal.

Apatah lagi, tindakan keganasan oleh tentera Mesir ini mendapat kecaman di seluruh dunia. Pada masa yang sama, menggunakan kuasa tentera hanya akan membawa lebih kematian dan melemahkan pergerakan politik dan sosial.

Kegagalan Malaysia untuk memainkan peranan utama di peringkat antarabangsa untuk menganjak badan dunia menamatkan krisis itu amat mengecewakan. Ini dibuktikan oleh komen Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada hari-hari awal krisis, di mana



Ulama luar negara turut menyertai himpunan

beliau menggunakan penderitaan rakyat Mesir sebagai satu peluang untuk mengingatkan rakyat Malaysia agar 'berhati-hati' terhadap perubahan.

Krisis di Mesir kini menjadi bencana kemanusiaan yang tidak boleh digunakan untuk

mendapat kelebihan politik tempatan.

Malaysia sepatutnya memanfaatkan kedudukannya terutama di kalangan negara-negara Islam untuk membawa penyatuan bagi menolak keganasan ini dengan memberi tekanan di

peringkat antarabangsa untuk membincangkan krisis di Mesir termasuk pihak yang terlibat melakukan keganasan tersebut.

Pihak yang terlibat dalam keganasan sama ada pemimpin-pemimpin tentera atau sebahagian daripada pemimpin kerajaan mesti dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa kerana melakukan jenayah kemanusiaan seperti yang berlaku dalam kes-kes besar melibatkan pencabulan hak asasi manusia seperti konflik di Bosnia-Herzegovina.

Keadilan mesti dilakukan dan proses politik damai berdasarkan prinsip-prinsip demokrasi tulen perlu dimulakan segera.



YAB TAN SRI ABDUL
KHALID IBRAHIM
MENTERI BESAR SELANGOR

Tragedi Mesir: Masjid, surau di Selangor adakan Qunut Nazilah

Oleh NAZLI IBRAHIM

KUALA LUMPUR - Masjid dan surau di Selangor disaran mengadakan Qunut Nazilah bagi mendoakan keselamatan dan kesejahteraan rakyat Mesir yang kini berdepan kekejaman tentera negara mereka sendiri.

Exco Hal Ehwal Islam Selangor, Sallehen Mukhyi mengesyorkan masjid dan surau mengadakan solat hajat agar pembunuhan beramai-ramai tentera Mesir dihenti, sekaligus meredakan pergolakan di negara itu.

Katanya, nazir masjid juga boleh mewujudkan tabung kutipan derma untuk disalurkan kepada Ikatan Lepasani Universiti Al-Azhar, sebuah alumni mahasiswa sebelum diagih kepada rakyat Mesir.

"Kita terpanggil untuk membantu rakyat Mesir menuntut hak mereka memiliki sebuah negara yang aman dan kerajaan yang adil terhadap rakyatnya sendiri.

"Pembunuhan yang dilakukan tentera Mesir menyebabkan ramai kehilangan tempat bergantung, suami, anak, ibu dan sebagainya," katanya kepada TV Selangor.

Qunut Nazilah sunat dibaca ketika umat Islam ditimpa bencana atau musibah seperti peperangan, wabak, kemarau dan sebagainya. Ia boleh dibaca setiap kali solat lima waktu.

Sallehen antara pemimpin PR yang menyertai Perhimpunan Munajat Perdana Untuk Mesir di Padang Merbok yang dihadiri kira-kira 5,000 orang.

Solat hajat, solat jenazah ghaib dan pidato pemimpin PR dan badan bukan kerajaan (NGO), antara pengisian program perhimpunan itu.

Ia turut dihadiri antaranya, Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang; Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kampung Tunku, Lau Weng San dan Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariah Mahmud.

Perhimpunan itu juga disertai 25 NGO termasuk Tamil Foundation, Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MPMA-BKHST) dan Suara Rakyat Malaysia (Suaram).

Dewan perhimpunan dan pertubuhan Cina dari beberapa negeri, antaranya Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCH), Negeri Sembilan (NSCAH), Bandar Cina Pulau Pinang (PGCTH), juga hadir.



Rakyat Selangor tanpa mengira usia melahirkan rasa prihatin terhadap penderitaan yang dihadapi rakyat Mesir



Selangor pastikan surau tidak disalah guna

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor akan memastikan kejadian surau yang digunakan penganut agama lain di sebuah resort di Sedili Besar, Johor tidak berulang di negeri ini.

Exco Hal Ehwat Islam Permodalan Pertanian dan Pembangunan Desa, Sallehen Mukhyi, (*gambar*) ber-

kata perkara itu dapat dielak jika masyarakat Islam memakmurkan surau dan masjid dengan pelbagai aktiviti keagamaan sepanjang masa.

"Kejadian di Johor itu berlaku itu berkemungkinan



disebab-

kan surau berkenaan tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

"Disarankan surau-sarau di Selangor dimakmurkan programnya supaya ia dapat dijaga dengan baik dan tidak diganggu pihak lain," katanya kepada Selangor Kini.

Sebelum ini, penduduk sekitar perkampungan nelayan Sedili Besar, Johor gempar selepas premis yang didirikan di sebuah resort sebagai surau, dicemari upacara agama lain.

Sallehen berkata, surau yang dimiliki secara persendirian pula perlu dipantau penggunaannya supaya tidak

disalah guna pihak lain yang boleh mencemar kesuciannya.

Beliau menyarankan surau di premis perniagaan dan kompleks membeli belah perlu menyediakan kemudahan baik dan selesa bagi menampung jemaah pada satu-satu masa.

"Surau perlu diurus dengan baik supaya dapat digunakan jemaah," katanya.

Oleh NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyampaikan sumbangan RM20,000 kepada Tabung Wira Lahad Datu sebagai menghargai jasa anggota keselamatan yang terkorban mempertahankan kedaulatan negara semasa krisis pencerobohan Lahad Datu, Sabah.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan berkata, sumbangan tersebut adalah hasil kutipan yang dibuat di kalangan warga MBSA dan juga orang awam menerusi aktiviti dan juga program yang dianjurkan.

"Warga MBSA sentiasa mendoakan agar roh-roh anggota keselamatan yang terkorban di Lahad Datu ditempatkan di kalangan mereka yang dirahmati," katanya dalam satu sidang media pada majlis Jamuan Aidilfitri MBSA 2013 di padang Wisma MBSA.

Sumbangan tersebut dibahagikan RM10,000 untuk PDRM dan RM10,000 untuk ATM.

Sumbangan diserahkan kepada Pegawai Kebajikan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kolonel Mohd Arifin Abd Hamid dan Pegawai Gerakan IPD Shah Alam, Insp Bohari Ehsan.

Majlis yang dihadiri kira-kira 5,000 pegunjung itu turut dimeriahan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Exco Kerajaan Negeri.

Acara tahunan itu antara lain adalah bertujuan meraikan bulan Syawal bersama warga Shah Alam termasuk 'stakeholder' yang berurusan dengan MBSA.

Warga MBSA sentiasa mendoakan agar roh-roh anggota keselamatan yang terkorban di Lahad Datu ditempatkan di kalangan mereka-mereka yang dirahmati

- JAAFAR ATAN
Datuk Bandar Shah Alam

RM20,000 untuk Tabung Wira Lahad Datu



Datuk Bandar Shah Alam menyerahkan sumbangan untuk Tabung Wira Lahad Datu kepada wakil ATM dan PDRM



Kakitangan MBSA melayan anak-anak yatim dari Teratak Nur Barakah

RM5.4 juta selenggara stadium, Pusat Akuatik

SHAH ALAM - Sebanyak RM5.4 juta modal perbelanjaan akan disalurkan Kerajaan Negeri kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk menambah baik penyelenggaraan stadium dan pusat akuatik.

Antara aset-aset yang ditandai untuk penambahbaikan adalah Stadium Utama, Stadium Malawati dan Pusat Akuatik Shah Alam.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan, berkata komitmen MBSA memperbaiki mutu perkhidmatannya dan kualiti kemudahan awam mendapat sokongan Kera-

jaan Negeri.

"Aset-aset ini adalah milik kerajaan negeri, tetapi MBSA akan diberikan perbelanjaan (CAPEX) untuk tujuan penyelenggaraan," katanya pada Majlis Jamuan Aidilfitri MBSA 2013.

"Dengan adanya sokongan ini, MBSA akan pastikan kemudahan-kemudahan berkenaan menepati piawai," tegasnya.

Beliau menjangkakan satu mesyuarat akan dipanggil oleh Pegawai Kewangan Negeri minggu hadapan.

Tingkatkan Stadium Shah Alam jadi 'venue' terbaik

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sentiasa meningkatkan kualiti Stadium Shah Alam agar menjadi stadium terbaik di Malaysia.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan berkata, MBSA mengambil berat kemudahan stadium berkenaan sentiasa berada dalam keadaan terbaik apabila diperlukan.

"MBSA sentiasa bersiap sedia untuk menjadi tuan rumah pertandingan bola sepak jika diperlukan," katanya kepada pemberita ketika ditemui melawat stadium berkenaan.

Katanya, MBSA tiada halangan jika stadium berkenaan dipilih menjadi 'venue' utama perlawanan bola sepak domestik dan antarabangsa berikutan penutupan Stadium Nasional Bukit Jalil (SNBJ).

"Stadium Shah Alam kini menjadi tumpuan kepada persatuan sukan dan juga pihak pengurusan acara untuk menganjurkan pertandingan bola sepak bertaraf antarabangsa," ujarnya.

Turut hadir, Jamsari Khamin, Pengurus Bahagian Pengurusan Stadium, pengarah-pengarah jabatan serta ahli-ahli Majlis MBSA.

Stadium yang berusia 19 tahun itu bakal menjadi tuan rumah kepada per-

lawan akhir Piala Malaysia, Piala Asia (AFC) serta Piala Sultan Selangor.

Ini berikutan arahan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang menutup SNBJ serta-merta bagi kerja-kerja baik pulih padang stadium berkenaan yang dijangka bermula selewat-lewatnya awal November ini.

Berkeluasan 155,000 kaki persegi, stadium berkenaan boleh memuatkan seramai 80,000 penonton dalam satu-satu masa.

Mengulas lanjut, Jaafar berkata, MBSA bersedia membantu daripada aspek kepakaran penjagaan padang jika diperlukan pihak SNBJ.



Datuk Bandar (kiri) dan timbalan, turun padang untuk melihat sendiri keadaan padang Stadium Shah Alam yang akan digunakan ketika Kejohanan Piala Malaysia nanti

Pengurangan kompaun sehingga 80 peratus

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melanjutkan Program Pengurangan Kompaun yang diadakan sepanjang bulan Ramadan sehingga 6 September ini.

Timbalan Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pihak MBSA menawarkan pengurangan kompaun sehingga 80 peratus kepada orang ramai yang mempunyai tunggakan kompaun di kawasan pentadbiran MBSA.

Katanya, pelanjutan tarikh itu bertujuan memberi peluang kepada orang ramai bagi menjelaskan tunggakan kompaun yang dikenakan ke atas mereka sebelum tindakan menyenaraihitamkan Orang Kena Kompaun (OKK) dilaksanakan.

Jelasnya lagi, antara kompaun yang layak mendapat pengurangan 80 pe-

ratus adalah di bawah Undang-Undang Kecil Taman (MBSA) 2005, Undang-Undang Kecil Iklan (MBSA) 2007, Undang-Undang Kecil Penjaja (MBSA) 2007, Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan (MBSA) 2007 dan Undang-Undang Kecil Pasar (MBSA) 2007.

"Kempen ini bagi mendidik masyarakat supaya lebih bertanggungjawab dan tidak melengah-lengahkan masa untuk menjelaskan kompaun mereka," kata Shahrin dalam kenyataan medianya.

Ujarnya, sebarang pertanyaan dan penyemakan kompaun orang ramai boleh menghubungi Jabatan Pengurusan Hasil Dan Pelaburan MBSA di talian 03-55105133 sambungan 522 atau 203 ataupun melayari sesawang MBSA di www.mbsa.gov.my.

Gotong Royong Perdana

HAPUSKAN TIKUS

8.00 AM
24 Ogos
Taman Tasik Shah Alam

Turut Hadir: Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim

Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor?

Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824.

Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera di bawah.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

Tel : 03-4296 8000;

Hotline : 1-800-22-8100

Laman Web: www.mpaj.gov.my

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

Tel : 03-6064 1331

SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. untuk semak aduan, status, taip "mdhs semak" hantar ke 15888

Laman Web: www.mdhs.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

Kutipan Sampah

Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy); Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)

Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)

Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);

Klang Selatan: 016-3824471 (Loganathan)

Talian: 03-3372 4820 / 6781 /

1-800-88-23826 (Toll-free)

Laman web: www.mpklang.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)

Tel: 03-3187 2825

SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

Laman web: www.mdkl.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

Tel: 03-3289 1439

Laman web: www.mdks.gov.my

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

Tel: 03-3224 1655 / 1000

Laman web: www.mdsb.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

Tel: 03-6126 5800 / 6120 4903 / 04 / 05 / 06

Laman web: www.mps.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSP)

Tel: 03-8319 0200 / 0300

Laman web: www.mpsepang.gov.my

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

Website: www.mbsa.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

Laman web: www.mpsj.gov.my

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) /

03-7956 3544 (am)

SMS: Taip "MBPJ ADUAN [aduan]" dan hantar ke 33213

Laman web: www.mbpj.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)

Tel: 87377899

Hotline: 1-800-88-6755

Emel: aduan@mpkj.gov.my

Laman Web: www.mpkj.gov.my



Selangor perkemas usaha tangani keganasan rumah tangga

Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kerajaan Umno-BN perlu memaksimum penguatkuasaan undang-undang dalam menangani segala bentuk keganasan terhadap wanita, kata Rodziah Ismail.

Sebagai Kerajaan Persekutuan, Exco Hal Ehwal Wanita itu, berkata Umno-BN harus bersungguh-sungguh membanteras jenayah berkenaan termasuk penguatkuasaan undang-undang.

“Memang bukan mudah tetapi dengan kesungguhan, ia (pencegahan jenayah rumah tangga) pasti dapat dilaksanakan,” katanya pada kenyataan media.

Beliau mengulas sebaran video berdurasi dua minit 20 saat di media sosial yang memapar kejadian seorang wanita dibelasah suaminya di dalam lif di Pulau Pinang, 12 Ogos lalu.

Video itu dikatakan dimuat naik adik mangsa, Mohd Yunus Ahmad Ramli 31, Selasa lalu selepas kecewa dengan alasan

polis yang tidak berbuat apa-apa selepas laporan dibuat.

Suami mangsa, Mohammad Affandi Ismail, 36, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam, Pulau Pinang atas tuduhan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap isterinya.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum satu tahun atau denda RM2,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Di sebalik kegagalan Kerajaan Persekutuan, Rodziah berkata, Kerajaan Selangor giat memperkemas usaha pencegahan, perlindungan dan pendakwaan bagi menangani jenayah keganasan terhadap wanita.

“Kita akan laksanakan program polis komuniti di kawasan perumahan, letak kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi strategik, beri peruntukan RM500,000 untuk peringkat perkhidmatan Pusat Krisis Sehenti (OSCC), selain menambah pusat perlindungan,” katanya.

Kita akan laksanakan program polis komuniti di kawasan perumahan, letak kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi strategik, beri peruntukan RM500,000 untuk peringkat perkhidmatan Pusat Krisis Sehenti (OSCC)

RODZIAH ISMAIL
Exco Hal Ehwal Wanita



selangorku

BELIA EHSAN SELANGOR

Anjuran Bersama:

Ucapan Khas
Tuan Guru Dato'
Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat

Bicara Santai
AFDLIN SHAUKI & MAN RAJA LAWAK
Bersama
Ustaz Zulkifli Ahmad
Dr Ismail Tambi

TOLAK RASUAH
BANK MUDA MERDEKA
BELIA EHSAN SELANGOR

JAMUAN AIDILFITRI

UNTUK PENYERTAAN & PERTANYAAN HUBUNGI
03-5511 7005

Sambutan

Hari Belia

24 Ogos 2013 Antarabangsa 2013
Dataran Kemerdekaan Shah Alam

7.00 am Senamrobik
7.30 am Majlis Perasmian
8.30 am Pendaftaran & Acara sukan bermula
1.00 pm Rehat & Solat Zuhur
2.30 pm Himpunan Bikerz
4.30 pm Solat Asar
5.00 pm Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri
5.10 pm Persembahan & Penyampaian Hadiah
7.30 pm Solat Maghrib
8.00 pm Kuliah Maghrib: Situasi Mesir
8.45 pm Solat Isyak, Solat Hajat
9.15 pm & Munajat Selamatkan Mesir dan Syria
9.20 pm MC memperkenalkan majlis
9.30 pm Ucapan 1: YB Dr Ahmad Yunus Hairi
9.45 pm Ucapan 2: Tan Sri Khalid Ibrahim
Majlis Perasmian & Gimik Perasmian
10.10 pm Ucapan 3 Khas
Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat
& Pelancaran Tabung Kemanusiaan
10.20 pm Persembahan 4: Mimes Actor
10.30 pm Persembahan 5: Amsyar Suhaimi
10.40 pm Intro program oleh artis
Bual bicara bersama tetamu jemputan
11.50 pm Penutup oleh MC

Naik taraf pusat penjagaan kanak-kanak di rumah

Oleh NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri dibantu pakar giat menaik taraf Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) di rumah supaya menepati piawai yang ditetapkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail, berkata usaha itu diambil bagi menampung keperluan rakyat.

"Kerajaan Selangor sentiasa bersedia untuk sebarang perkongsian dan pelaksanaan mekanisme terbaik bersama Kerajaan Persekutuan bagi isu ini," ujarnya.

Serentak dengan usaha ini, Kerajaan Negeri turut meneliti dasar perancangan bandar untuk memperuntukkan tapak-tapak khusus bagi mendirikan Taska.

Buat masa ini, pusat penjagaan kanak-kanak hanya menggunakan rumah-rumah kediaman yang diubah suai untuk tujuan Taska.

Sebelum ini, Sinar Harian melaporkan Pengarah Bahagian Perundangan dan Advokasi JKM, Dr Zaitol Salleh mendedahkan se-

pat kerja dan lokasi yang relevan, selain menyediakan subsidi untuk pengusaha-pengusaha Taska.

pat kerja dan lokasi yang relevan, selain menyediakan subsidi untuk pengusaha-pengusaha Taska. Rodziah berkata, Kerajaan Negeri memandang serius perkembangan ini kerana 846 kes yang dikesan adalah Taska di Selangor. Data ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan dan Negeri perlu bekerjasama meningkatkan bilangan Taska secara drastik.

Untuk rekod, pertumbuhan penduduk di Selangor mencapai 2 peratus setahun dengan kadar tenaga kerja wanita melebihi 40 peratus daripada 2762.4 juta penduduk yang bekerja.

"Jika dikira 100 ribu penduduk, sebahagian daripadanya adalah bayi-bayi yang baru lahir. Ditambah pula dengan kadar tenaga kerja wanita tinggi dan mereka ini terdiri daripada golongan wanita muda yang berkerja dan mempunyai anak kecil," kata Rodziah.

Lantas, adalah wajar Kerajaan menguatkuasakan dasar dan pekeliling tentang kemestian membuka Taska di tempat-tempat

pat kerja dan lokasi yang relevan, selain menyediakan subsidi untuk pengusaha-pengusaha Taska.

WAKTU SOLAT SELANGOR 23 - 30 OGOS 2013 16 - 23 SYAWAL 1434H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
16 Jumaat	5:45	5:55	7:11	1:24	4:39	7:32	8:43
17 Sabtu	5:45	5:55	7:11	1:24	4:39	7:31	8:42
18 Ahad	5:45	5:55	7:11	1:24	4:38	7:31	8:42
19 Isnin	5:45	5:55	7:11	1:24	4:37	7:31	8:42
20 Selasa	5:45	5:55	7:11	1:23	4:36	7:30	8:41
21 Rabu	5:45	5:55	7:11	1:23	4:36	7:30	8:41
22 Khamis	5:45	5:55	7:11	1:23	4:35	7:29	8:40
23 Jumaat	5:45	5:55	7:11	1:23	4:34	7:29	8:40
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
16 Jumaat	5:45	5:55	7:13	1:22	4:38	7:28	8:39
17 Sabtu	5:45	5:55	7:13	1:22	4:38	7:28	8:39
18 Ahad	5:45	5:55	7:13	1:22	4:37	7:28	8:39
19 Isnin	5:45	5:55	7:13	1:22	4:36	7:27	8:38
20 Selasa	5:45	5:55	7:13	1:21	4:36	7:27	8:38
21 Rabu	5:45	5:55	7:12	1:21	4:35	7:27	8:37
22 Khamis	5:44	5:54	7:12	1:21	4:34	7:26	8:37
23 Jumaat	5:44	5:54	7:12	1:21	4:33	7:26	8:36



CEGAH... sempena Program Kesedaran Keselamatan Kebakaran, Unit Bomba Shah Alam melakukan latihan kebakaran di Hotel Concode Shah Alam. Latihan bertujuan memberi penerangan kepada pekerja-pekerja hotel tersebut, langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran



TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741,
Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS
Rantaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455
emel: mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan S.S.A.S, 40503 Shah Alam
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau 03-55110659

PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736
email : info@semesta.com.my
Laman Web : www.semesta.com.my

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618.
Faks : 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC) Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622.
Faks : 5519 3304

BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977
Emel: communications@kdeb.com

SKIM KESIHATAN WANITA Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR) Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20, Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617
Laman Web http://www.mimbarselangor.org

SKIM MIKROKREDIT SELANGOR Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312
Fax : 03-551055829 Laman Web http://www.skimsel.com

PUSAT DIALISIS RAKYAT Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

PUSAT TUISYEN RAKYAT Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543
Faks: 03-55104095/ 55135564/ 55447391
Blog http://tuisyenrakyat.blogspot.com



Rakyat mahu polis bantuan!

Oleh NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Prihatin dengan peningkatan kadar jenayah yang membimbangkan, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk mewujudkan polis bantuan di Selangor.

Rata-rata penduduk yang ditemui bersetuju dengan inisiatif itu supaya keamanan setempat dan keselamatan masyarakat di luar dan di dalam rumah terpelihara.

Mohd Haziq Hamzah, 26, dari SS1 Petaling Jaya, berkata penerusan polis bantuan sangat diperlukan terutamanya di kawasan-kawasan berpenduduk padat.

"Bagaimanapun, polis bantuan yang dilantik itu perlu menjalani latihan dengan sebaik-baiknya kerana kita mahu mereka ini sentiasa bersedia bila berhadapan dengan situasi getir," katanya.

Bagi Teo Yoke Lan, 55, beliau menyambut baik strategi itu dan berharap langkah-langkah proaktif seperti ini menjadi amalan.

"Ia amat diperlukan rakyat dan kita harap perkara ini dapat dilakukan secara berterusan," katanya.

Sementara itu, Mohd Roslan Che Noh, 60, berkata beliau sentiasa risau keselamatan ahli keluarganya. Tegas beliau dengan adanya polis bantuan ini, sumber PDRM dapat ditumpukan di kawasan-kawasan panas.

"Masalah jenayah ini bukan sahaja di luar rumah, tetapi juga



Mohd Haziq Hamzah



Teo Yoke Lan



Hamidah Ismail

boleh berlaku dalam rumah. Kerajaan perlu menyelesaikan masalah ini dengan segera. Dengan adanya polis bantuan, kita harap mereka dapat tumpu kawasan panas," katanya.

Bagi Hamidah Ismail, 56, masalah jenayah yang sering berlaku menyebabkan beliau dan keluarga berasa terancam, lebih-lebih lagi apabila keluar pada waktu malam.

"Bagi perempuan, memang bahaya tidak kira bila waktunya. Bagi saya, perlu ada pertambahan polis bantuan dengan banyak supaya tidak ada pertindihan dengan polis," katanya.

Rundingan air menuju peringkat akhir

Selangor sedia bentang cadangan ambil alih industri

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bersedia membentangkan draf cadangan pengambilalihan syarikat konsesi di negeri ini pada bila-bila masa sebagai langkah melaksanakan penstrukturan industri air di negeri itu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata pihaknya mengalu-alukan perbincangan dengan Persekutuan mengenai perkara itu seperti yang dipersetujui sebelum ini.

"Kita sekarang sedang menanti peringkat akhir perbincangan ini untuk membentangkan draf cadangan masing-masing dan berharap ia dapat disegerakan demi ke-

pentingan rakyat yang tertekan dengan masalah air.

"Perlaksanaannya itu nanti juga perlulah holistik dan memberi kepentingan kepada semua pihak dan bukan keuntungan pihak tertentu sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kenyataan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili yang memberitahu masalah pembekalan air bersih di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh tiga bulan.

Bagaimanapun Maximus berkata, isu itu dapat mene-

mui jalan penyelesaian dalam masa terdekat sekiranya Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri Selangor mencapai persetujuan dalam pelbagai perkara dan saling bertolak ansur.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) membuat tawaran bernilai RM9.65 bilion untuk mengambil alih empat syarikat konsesi air.

Empat syarikat konsesi itu antaranya Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), Puncak Niaga Sdn Bhd, Konsortium Abass Sdn Bhd dan Syarikat Pengeluar Air Selangor (Splash).

...berharap ia dapat disegerakan demi kepentingan rakyat yang tertekan dengan masalah air

— ABDUL KHALID —
MB Selangor



Untuk informasi & Berita terkini Layari www.selangorku.com **mediaselangorku**